

E-ISSN 2550-1992
Published biannually by:
**Faculty of Islamic Civilization Studies,
Selangor International Islamic University College (KUIS)**
Bandar Seri Putra, 43600, Bangi, Selangor (Darul Ehsan) Malaysia.
Tel: +603-8911 7167. Fax: +603-8925 4402
Email: alirsyad@kuis.edu.my
Web: <http://al-irsyad.kuis.edu.my/>

Vol. 6, No. 2, (December, 2021)

Keistimewaan pendidikan agama Islam dan pandangan pentadbir British terhadap sistem pendidikan di Tanah Melayu

[The Privileges of Islamic religious education and British administrator's views on the education system in Malaya]

Mohd Farhan Abd Rahman,^{1*} Muhd Imran Abd Razak,¹ Ahmad Firdaus Mohd Noor,¹ Nurul Kamalia Yusuf,² & Nor Adina Abdul Kadir³

¹Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar, Perak, Malaysia.

²Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar, Perak, Malaysia.

³Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka, Kampus Alor Gajah, Melaka, Malaysia.

*Corresponding Author: Mohd Farhan Abd Rahman. Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar, 32610 Seri Iskandar, Perak, Malaysia. E-mail: farhan84@uitm.edu.my. Telp.: 010-2257439.

Keywords:

Education, Islam, British Administrators, Malaya, Malay Community

ABSTRACT


The majority of British administrators adhered to the philosophy of logical positivism (later known as logical empiricism), an understanding that emphasizes on the use of the intellect as the main approach to obtain accurate scientific facts based on meticulous and systematic research methods. This philosophy rejects the proof of a fact from the source of revelation as it is considered not relevant in proving the history and has created bigoted and queried views towards the Malay community in Malaya. This article focuses on the analysis of the British administrators' views on the system of education in Malaya, which includes religious and secular education and to determine the privileges of Islamic religious education on the Malay community. The methods used were historiography, comparative method, and content analysis. The study found that the British administrators had underestimated the contribution of the Islamic education system in Malaya and considered the failure of Malaya in achieving its high civilization was due to the adherence to Islam, which was considered as irrelevant and outdated. Hence, to overcome these weaknesses, internalising secularism into the thinking of the Malays in Malaya through the Western education system was seen as an appropriate step.

Kata Kunci:

Pendidikan, Islam, Pentadbir British, Tanah Melayu, Masyarakat Melayu

ABSTRAK

Majoriti pentadbir British berpegang dengan falsafah positivisme empirik logik iaitu fahaman yang mementingkan penggunaan akal sepenuhnya sebagai pendekatan utama bagi mendapatkan sesuatu fakta keilmuan dengan tepat berdasarkan kaedah penelitian yang teliti dan sistematik. Falsafah ini menolak pembuktian sesuatu fakta menggunakan sumber wahyu kerana dianggap tidak relevan dalam pembuktian sejarah dan telah mewujudkan pandangan yang berat



sebelah serta meragukan terhadap masyarakat Melayu di Tanah Melayu. Artikel ini menumpukan kepada analisa terhadap pandangan pentadbir British berkenaan sistem pendidikan di Tanah Melayu merangkumi pendidikan agama dan sekular, dan untuk mengetahui keistimewaan pendidikan agama Islam ke atas masyarakat Melayu. Penulis menggunakan kaedah pensejarahan, perbandingan dan analisis kandungan bagi menyiapkan kajian ini. Hasil kajian mendapati pentadbir British memperkecilkan sumbangan sistem pendidikan agama Islam di Tanah Melayu dan beranggapan kegagalan Tanah Melayu mencapai ketamadunan yang tinggi disebabkan berpegang kepada Islam yang dianggap tidak relevan dengan perkembangan semasa. Justeru, bagi memperbaiki kelemahan tersebut perlaksanaan sistem pendidikan Barat dilihat sebagai langkah yang tepat bagi menerapkan fahaman sekularisme ke dalam pemikiran masyarakat Melayu di Tanah Melayu.

Received: August 05, 2021

Accepted: November 06, 2021

Online Published: December 21, 2021

How to Cite:

Abd Rahman, M. F., Abd Razak, M. I., Mohd Noor, A. F., Yusuf, N. K. & Abdul Kadir, N. A. (2021). Keistimewaan pendidikan agama Islam dan pandangan pentadbir British terhadap sistem pendidikan di Tanah Melayu. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 6(2), 688-696. <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v6i2.217>

1. Pengenalan


Pemikiran pentadbir British adalah berasal dari doktrin Orientalisme iaitu fahaman politik yang bertujuan menjajah dan memusnahkan budaya Timur khususnya agama Islam, seterusnya menonjolkan tamadun Barat sebagai hebat dan mendominasi ke seluruh dunia (Rahman et al., 2017). Menurut Said (1977), orientalisme merupakan suatu kaedah untuk memahami dunia Timur berdasarkan pengamatan masyarakat Barat. Pandangan Said ini merangkumi tiga hal yang berbeza tetapi saling berkaitan antara satu sama lain, iaitu:

- Orientalis merupakan individu yang mengajar, menulis sebuah karya atau melakukan serangkaian penyelidikan tentang dunia Timur. Golongan ini terdiri daripada ahli antropologi, sosiologi ataupun filologi.
- Orientalisme adalah kaedah pemikiran yang berdasarkan kepada perbezaan ontologi dan epistemologi antara dunia Timur dan Barat.
- Orientalisme merupakan kaedah orang Barat untuk mendominasi, menstruktur dan menguasai masyarakat Timur. Pemikiran ini mencipta pernyataan-pernyataan yang meragukan mengenai dunia Timur khususnya berkaitan agama, seterusnya menguasai dunia Timur dan mengubah mengikut kehendak mereka.

Lughod (2001: 103) juga mempunyai pandangan yang sama mengenai orientalisme. Beliau mengatakan:

The way in which the Orient has been represented in Europe through an imaginative geography that divides East and West, confirming Western superiority and enabling, if not actually constituting, European domination of those negatively portrayed regions known as East.

Pandangan dari Said (1977) dan Lughod (2001) ini jelas menunjukkan pihak penjajah Barat menginginkan penguasaan ke atas dunia Timur merangkumi agama, budaya dan intelektual, seterusnya menerapkan idealogi yang berkONSEPkan sekularisme ke dalam pemikiran masyarakat tanah jajahan. Menurut al-Attas (1978), perrusuhan tradisi antara Kristian dan Islam pada awalnya wujud melalui misi perluasan wilayah dan serangan ketenteraan, kini ia beralih kepada ‘peperangan intelektual’ yang meletakkan ilmu dan pemikiran umat Islam sebagai sasaran utama yang perlu ditewaskan. Al-Attas (1978: 99) menjelaskan:



The confrontation between Western culture and civilization and Islam... has now moved on to the intellectual level and we must realize, then, that this confrontation is by nature a historically permanent one. Islam is seen by the West as posing a challenge to its very way of life.

Penerapan pemikiran Barat menerusi pendidikan terhadap masyarakat Melayu dilihat sebagai salah satu cara untuk memperkuatkan penguasaan penjajah ke atas Tanah Melayu. Dasar ini bertujuan bagi memisahkan masyarakat Melayu daripada semangat dan tradisi Islam dalam setiap urusan kehidupan mereka. Menurut Baharuddin (2011), Stamford Raffles merupakan sarjana perintis kepada perlantakan kerangka asas ilmu kolonial di awal pendudukan British di Tanah Melayu. Ini mengakibatkan berlaku pengasingan ilmu terutamanya pendidikan agama yang sebelum ini merupakan mata pelajaran wajib dipelajari ketika itu. Usaha tersebut diteruskan oleh orientalis selepas beliau seperti Wilkinson, Winstedt dan Swettenham yang merupakan pegawai pentadbir British yang pernah berkhidmat di Tanah Melayu.

Bagi melengkapkan kajian ini, penulis memfokuskan kepada dua objektif iaitu mengkaji pandangan pentadbir British berkenaan sistem pendidikan di Tanah Melayu merangkumi pendidikan agama dan sekular, seterusnya mengenal pasti pengaruh pendidikan agama Islam ke atas masyarakat Melayu. Kajian ini penting kerana dapat memberikan pemahaman dan kesedaran kepada bangsa Melayu mengenai pengaruh Islam khususnya dalam sistem pendidikan di Tanah Melayu.

2. Metodologi Kajian

Bagi melengkapkan kajian ini, penulis menggunakan tiga metodologi yang dilihat menepati objektif kajian iaitu pensejarahan, perbandingan dan analisis kandungan.

2.1 Metode Pensejarahan

Metode ini merujuk kepada kajian suatu permasalahan dari sudut sejarahnya (Ferman & Levin, 1975). Metode ini menggunakan kronologi dan latar belakang sejarah untuk mengetahui asal usul sesuatu perkembangan dengan merujuk kepada bukti-bukti dan fakta sejarah dari sumber yang berstatus primer dan sekunder dalam bidang kajian. Penulis menggunakan metode ini dalam membincangkan dua objektif utama kajian iaitu mengkaji pandangan pentadbir British berkenaan sistem pendidikan di Tanah Melayu merangkumi pendidikan agama dan sekular serta mengenal pasti pengaruh pendidikan agama Islam ke atas masyarakat Melayu.

2.2 Metode Perbandingan


Metode ini berdasarkan pendekatan bersifat pertengahan dalam menilai sesuatu perkara (Ferman & Levin, 1975). Ia bertujuan untuk menghasilkan sesuatu kajian yang bersifat adil dan tidak berat sebelah. Setiap maklumat yang diperolehi akan dianalisa bagi mengelakkan pendekatan skeptikal dan hanya menampakkan kesalahan pada satu pihak sahaja. Penulis menggunakan metode ini untuk menganalisa pandangan pentadbir British terhadap sistem pendidikan di Tanah Melayu, seterusnya membuat perbandingan dengan pandangan ahli akademik yang sealiran dengannya mahupun tidak. Ini bertujuan bagi membetulkan salah faham mengenai pengaruh pendidikan agama Islam ke atas masyarakat di Tanah Melayu.

2.3 Metode Analisis Kandungan

Metode ini digunakan sebagai proses penganalisaan data terhadap karya primer dan sekunder berkenaan isu yang menjadi fokus kajian (Ferman & Levin, 1975). Melalui metode ini, penulis mengenal pasti salah faham pandangan pentadbir British mengenai sistem pendidikan agama Islam di Tanah Melayu. Seterusnya, mengetahui kesan penerapan pemikiran Barat terhadap sistem pendidikan di Tanah Melayu. Hasil dari penganalisaan tersebut, penulis membuat kesimpulan bagi keseluruhan kajian.

3. Asas Penilaian Pentadbir British ke atas Sistem Pendidikan

Menurut Rahman et al. (2016) Ilmuan Barat telah terpengaruh dengan pendekatan sekularisme yang menolak agama sebagai neraca ilmu dan kebenaran di dalam kehidupan manusia, sebaliknya agama dikatakan sebagai



punca kepada penderitaan manusia. Hassan (1986) berpandangan, falsafah penguasaan ilmu mengikut pendekatan sekularisme Barat adalah berteraskan kepada falsafah humanisme. Falsafah ini meletakkan urusan pembangunan manusia hanya untuk kepuasan peribadi semata-mata tanpa sebarang pertimbangan agama. Jika menginginkan kemajuan, manusia perlu bergantung sepenuhnya kepada penggunaan akal. Hasilnya, falsafah ini telah melahirkan sejumlah besar paradigma disiplin keilmuan bagi mewujudkan sebuah tamadun berkONSEP materialistik, iaitu:

- a) Paradigma bebas dalam menilai sesuatu kajian keilmuan. Seorang orientalis perlu menjadikan dirinya bebas dari pegangan agama ketika menjalankan penyelidikan menerusi pelbagai bidang keilmuan. Pendekatan yang berpegang kepada agama akan menjadikan seseorang itu terikat bagi menjalankan penyelidikan yang bersifat kritikal terhadap agamanya.
- b) Falsafah positivisme empirik logik; ia merupakan kajian keilmuan yang digunakan oleh sarjana orientalis bagi mendapatkan suatu fakta keilmuan berdasarkan kaedah penelitian yang cukup sistematis dan teliti (Mahmud, 1997). Abdullah (2000) menjelaskan, pendekatan ini pada dasarnya berpunca dari sikap orientalis yang menolak agama dan perkara-perkara ghaib yang tidak dapat dilihat dan ditangani dengan pancaindera.
- c) Falsafah historisme; ia mengetengahkan perkembangan sejarah sebagai suatu aspek yang penting dalam kewujudan manusia. Falsafah ini menganggap agama sebagai kolot dan ditolak sebagai pembuktian fakta akademik. Menurut Meinecke (1956), bagi memahami sesuatu fakta sejarah pengkaji perlu melakukan penelitian yang rapi terhadap peristiwa yang berlaku. Penelitian tersebut hendaklah berlandaskan sudut pandangan yang skeptikal dan menolak sebarang fahaman yang berunsurkan ketuhanan terutamanya agama Islam.


Goldziher (1981) berpandangan, sebarang kajian yang bersandarkan kepada keagamaan dianggap tidak bermutu malah tidak mempunyai nilai akademik. Sebarang kajian yang berkaitan dengan Islam tidak boleh merujuk al-Quran mahupun karya sarjana Islam, tetapi perlu menggunakan realiti sejarah umat Islam bagi mengetahui gambaran Islam yang sebenar. Sebarang penganalisaan kritikal terhadap Islam perlu dibuat menggunakan pendekatan *higher criticism*. Pendekatan ini pada mulanya digunakan untuk membuktikan kesilapan yang terdapat di dalam agama Kristian, kemudian telah dipanjangkan penggunaannya kepada agama Islam. Ia bertujuan untuk membuktikan kesilapan kandungan al-Quran dan al-Sunnah bagi memperlihatkan Islam sebagai agama yang sesat. Elemen pemikiran sekularisme yang terkandung di dalam pendekatan ini jelas sekali menetapkan bahawa sebarang peristiwa sejarah yang berlaku dalam masyarakat Islam perlu dinilai secara skeptikal demi mendapatkan sesuatu fakta (Rahman et al., 2019).

4. Analisa Pandangan Pentadbir British Terhadap Sistem Pendidikan di Tanah Melayu

Menurut Sidhu (1985), Stamford Raffles merupakan individu yang dipertanggungjawabkan menerap sistem pendidikan Barat ketika tempoh perkhidmatan beliau di Tanah Melayu. Hasilnya, pendidikan agama telah dipisahkan secara total dari sistem pendidikan formal. Antara mata pelajaran yang diperkenalkan adalah ilmu matematik, sains, perdagangan, perubatan dan sebagainya diasingkan daripada pendidikan agama yang menumpukan pembelajaran al-Quran, al-Hadith, akidah, hukum hakam berkaitan fiqh ibadah, muamalat dan lain-lain. Nik Pa (1991) berpandangan, sistem pendidikan yang diperkenalkan oleh pihak British berbentuk dualisme iaitu pengasingan aliran sekolah kebangsaan dan aliran sekolah agama. Malah, program pendidikan yang diperaktikkan di Barat dilihat tidak sesuai untuk masyarakat di Tanah Melayu kerana ia mengetengahkan pendekatan sekularisme yang memisahkan ilmu keduniaan dan ilmu agama.

Roff (1980) mengatakan, pentadbir British seperti Winstedt memberikan sumbangan yang sangat besar kepada perkembangan sistem pendidikan di Tanah Melayu dengan penghasilan Laporan Winstedt pada 1917. Laporan tersebut merupakan penambahbaikan sistem pendidikan moden yang berorientasikan Barat. Penambahbaikan ini dilihat lebih sesuai dengan peredaran zaman dan menjamin kecemerlangan masa hadapan kepada masyarakat berbanding pendidikan agama. Sumbangan Winstedt ini dijelaskan oleh Roff (1980: 139) dengan mengatakan:

In his way, he did more to circumscribe Malay educational progress, and to ensure that the Malay peasant did not get ideas above his station, than anyone else before or since. It was his accomplishment of this within a greatly improved organizational



framework that appears to have given rise to a persisting illusion that real educational reform dates from 1917.

Roff (Ibid.) juga menambah:

Winstedt regarded the vernacular schools as essentially vehicles for only the most elementary instruction. A small and privileged group might go on from this to higher, but still elementary, education in English. For the mass of the peasantry, what was important was to reduce the number of years spent in receiving education and to give vernacular instruction a strong manual and agricultural bias.

Roff (2003) dalam soal ini menyatakan, pada zaman pemerintahan British terdapat empat aliran sekolah rendah yang ditubuhkan di Tanah Melayu iaitu Sekolah Vernakular Melayu, Cina, Tamil dan Inggeris. Namun, pada masa yang sama terdapat juga sekolah agama yang bergerak aktif secara berasingan iaitu sekolah pondok, madrasah dan sekolah agama rakyat yang lain. Kewujudan pelbagai aliran sekolah pada masa itu menurut Lebar (1992), disebabkan oleh dasar pentadbir British yang mengamalkan dasar ‘pecah dan perintah’ dan tidak mahu menggubal Dasar Pendidikan Kebangsaan. Sekiranya langkah ini dilaksanakan, ia boleh menggugat kedudukan British di Tanah Melayu. Sistem pendidikan Barat ini telah diterima secara beransur-ansur oleh masyarakat terutamanya golongan bangsawan yang beragama Islam. Malah golongan ini juga menganggap sistem pendidikan ini adalah yang terbaik dan harus dikekalkan walaupun selepas mencapai kemerdekaan.

Menurut Salleh (1974), setiap murid yang beragama Islam secara formalnya akan mengikuti kelas persekolahan agama pada sesi petang berbanding sistem pendidikan Barat yang diajarkan pada sesi pagi. Hasil dari penekanan tersebut, terdapat jurang yang besar antara pendidikan agama dan Barat iaitu pendidikan agama yang diajar pada sesi petang di sekolah rendah atau sekolah menengah bawah hanya diajar pada beberapa waktu sahaja dalam tempoh persekolahan. Manakala di peringkat menengah atas pula ia dijadikan subjek pilihan, bukannya mata pelajaran wajib (Mukmin, 2009). Penulis berpandangan walaupun sistem pendidikan seumpama ini dijalankan di sekolah Melayu tetapi dalam aspek pengajarannya subjek keagamaan kurang ditekankan. Baki (1981) juga menyatakan, setiap sekolah yang berada di bawah sistem pendidikan Barat telah mendapat peruntukan kewangan yang lebih besar berbanding dengan sekolah agama hingga sebahagian dari ulama Tanah Melayu beranggapan kedudukan sekolah agama seperti disisihkan.

Philip (1974) menjelaskan tujuan pihak pentadbir British memberikan pendidikan kepada masyarakat Melayu bukanlah untuk melahirkan golongan cerdik pandai, tetapi sekadar mewarisi pekerjaan daripada nenek moyang mereka sahaja ataupun menjadi pandai sedikit daripada ibu bapa mereka. Manakala lulusan dari sekolah Inggeris pula yang ratanya daripada golongan bangsawan dilantik sebagai pegawai dan pentadbir bawahan sahaja. Golongan bangsawan ini menjadi orang suruhan kepada pentadbir British bagi melincinkan urusan pengawalan penduduk di Tanah Melayu khususnya masyarakat Melayu. Tujuan pihak penjajah melatih masyarakat Melayu adalah untuk menjadikan mereka sebagai pewaris apabila Tanah Melayu diberikan kemerdekaan. Hasilnya, pewarisan dasar pentadbiran kolonialisme Biritish akan diteruskan di dalam pemerintahan negara ini (Rahman et al., 2019).

5. Keistimewaan Sistem Pendidikan Agama Islam di Tanah Melayu

Terdapat dua keistimewaan dalam sistem pendidikan agama di Tanah Melayu iaitu penggunaan tulisan Jawi dan penubuhan institusi pengajian Pondok. Pertama, sumbangan ulama Melayu Islam terawal ialah penghasilan tulisan Jawi yang berasal dari bahasa Melayu, seterusnya dijadikan sebagai instrumen utama kepada perkembangan keilmuan Islam di Alam Melayu (Rahim et al., 2021). Pemilihan bahasa tempatan sebagai medium penyebaran ilmu agama telah dilakukan oleh sarjana Islam terdahulu seperti penciptaan tulisan Urdu di India dan tulisan Parsi di Iran berteraskan kepada bahasa Arab dengan dibuat beberapa penambahbaikan mengikut kesesuaian kawasan yang didiami (Ahmad, 2018).

Othman (2006) menjelaskan, penggunaan tulisan Jawi telah melangkaui tujuan asal penciptaannya sebagai medium penyebaran Islam hingga diiktiraf sebagai bahasa perantaraan (*lingua franca*) terpenting bagi rantau Alam Melayu. Wan Daud dan Muammar (2009) menyatakan, pengiktirafan ini menunjukkan proses kematangan dalam tulisan jawi seperti penghasilan karya terjemahan dari Timur Tengah oleh Syeikh Nūr al-Dīn al-Rānīrī menerusi *Dūr al-Farā'īd bi Sharḥ al-'Aqā'īd*. Karya ini merupakan terjemahan dari karya asal iaitu *Sharḥ al-'Aqā'īd al-Nasafīyya* oleh Sa'd al-Dīn al-Taftāzānī. Namun beliau menyumbang lebih kurang 50 peratus daripada pemikirannya sendiri di dalam karya terjemahan ini dan menyesuaikannya mengikut konteks



Alam Melayu. Antara karya lain yang dikarang oleh Syeikh Nūr al-Dīn al-Rānī seperti *al-Sirāt al-Mustaqīm* berkaitan hukum-hakam dan *Bustān al-Salātīn* berkaitan ketatanegaraan. Hasilnya, karya-karya tulisan Jawi ini telah berkembang ke seluruh pelosok dunia Islam seperti di Mekah, Bombay, Istanbul dan Kaherah. Malah, karya-karya tersebut turut diakui mutu penulisannya di beberapa pusat keilmuan Barat seperti Middle Eastern Studies dan Near Eastern Studies (Othman & Ishak, 2000).

Kedua, peranan penting oleh ulama Patani dalam penubuhan institusi pengajian Pondok di Alam Melayu. Golongan ini telah memberikan sumbangan yang amat bermakna kepada institusi pendidikan Islam dari segi memperkuuh dan memperkemaskan lagi institusi tersebut berbanding sistem pengajian yang sebelumnya. Al-Fatani (2011) menyatakan, antara ulama Patani yang terkenal adalah Faqih Wan Musa Mohd salleh al-Laqqihi; ulama pertama yang diketahui muncul di Patani, Sheikh Daud Abdullah al-Fatani, Sheikh Hasan Ishak al-Fatani dan Sheikh Abdul Samad al-Falimbani.

Menurut Abdullah (2001), penubuhan sistem pengajian Pondok di Alam Melayu adalah mengikut kesesuaian tempat dan penerimaan masyarakat setempat menerusi kaedah pembudayaan ilmu. Keistimewaan yang dimiliki oleh institusi pengajian Pondok ialah sistem pengajian diletakkan secara penswastaan tanpa kongkongan dari pihak pemerintah. Keadaan ini membolehkan seseorang ulama menjalankan sesi pengajian secara bebas tanpa dipengaruhi oleh mana-mana pihak yang mempunyai agenda dan kepentingan tertentu. Keistimewaan ini telah menjadikan ulama pada ketika itu sebagai agen perubahan dan intelektual ummah yang bersikap peka dan sensitif terhadap isu semasa yang timbul di dalam masyarakat. Manakala, kaedah pengajian pula berkonseptan teori dan praktikal, serta bersifat terbuka dengan memberi peluang kepada sesiapa sahaja untuk mengikuti tanpa mengira latar belakang keturunan dan faktor umur (Abidin et.al, 2019).

Kerjasama di antara ulama dengan masyarakat setempat telah menjadikan institusi pengajian Pondok sebagai kubu utama untuk mempertahankan kesucian agama Islam dari serangan penjajah Barat. Rahman dan Shukri (2011) menyatakan ulama Patani yang menetap di Mekah dan Madinah dilabel sebagai tokoh terawal yang menaikkan semangat nasionalisme kepada serangkaian pelajar Melayu di Timur Tengah hingga menimbulkan kesedaran mengenai penderitaan yang dialami oleh masyarakat Melayu di rantau Alam Melayu sepanjang pendudukan penjajah Barat.


Reputasi ulama Patani seperti Sheikh Daud Abdullah al-Fatani, Sheikh Abdul Samad al-Falimbani, Sheikh Muhammad Nafis al-Banjari, Sheikh Muhammad Nawawi al-Jawi, Sheikh Wan Ali Kotan dan lain-lain lagi telah menarik minat sebahagian besar pelajar Melayu untuk melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian Pondok seterusnya ke pusat pengajian keilmuan Islam di Timur Tengah (Al-Fatani, 2011). Othman (2006) menjelaskan kesan dari melanjutkan pelajaran ke Timur Tengah, para pelajar telah dide daharkan dengan perjuangan Pan-Islamisme di bawah pimpinan Jamāl al-Dīn al-Afghānī dan Muḥammad ‘Abduh iaitu gerakan yang memperjuangkan pembebasan dunia Islam dari kongkongan kolonialisme Barat.

6. Kesan Penerapan Pemikiran Barat Terhadap Sistem Pendidikan di Tanah Melayu

Penerapan pemikiran Barat oleh pihak British ke atas sistem pendidikan di Tanah Melayu meninggalkan satu kesan yang mendalam kepada masyarakat Melayu. Pihak British telah merancang pelan tindakan jangka panjang bagi mengawal perkembangan sistem pendidikan di Tanah Melayu iaitu:

- a) Penubuhan sistem pendidikan dualisme yang sarat dengan nilai sekular bagi mengurangkan nilai-nilai agama dalam semua bidang keilmuan serta populariti institusi pengajian Pondok di Tanah Melayu (Mukmin, 2009).
- b) Memperkenalkan sistem pendidikan vernakular yang berdasarkan perkauman iaitu sekolah vernakular Melayu, Cina dan Tamil. Dasar ini merupakan satu usaha untuk memecah-belahkan perpaduan bangsa di Tanah Melayu supaya ia tidak menjadi ancaman kepada kuasa Penjajah Barat. (Basri, 2010).
- c) Memperkenalkan sistem tulisan Rumi yang mempunyai nilai komersial tinggi bagi menghilangkan pengaruh sistem tulisan Jawi yang terbukti sebagai medium penyebaran Islam terpenting bagi rantau Alam Melayu (Fadzil, 2012).
- d) Penerapan subjek dan sukan pelajaran di sekolah Melayu dengan menonjolkan penjajah British sebagai pencetus ketamadunan bangsa Melayu di Tanah Melayu khususnya dan Negara Timur amnya (Winstedt, 1988).

Rahman et al. (2017) berpandangan, perlaksanaan sistem pendidikan Barat ini jelas meminggirkan semangat dan tradisi Islam, apabila mata pelajaran yang sebelumnya dianggap penting dalam sistem pendidikan telah dimansuhkan. Malah, sistem tulisan dan ejaan jawi turut dimansuhkan sebagai langkah membataskan



penguasaan terhadap ilmu pengetahuan Islam. Ini kerana tulisan dan ejaan jawi merupakan medium utama dalam kegiatan dan tradisi keilmuan Islam di Alam Melayu.

Mukmin (2009) juga menambah, kesan dari penekanan terhadap sistem pendidikan di Tanah Melayu selepas mencapai kemerdekaan adalah penghasilan Penyata Rahman Talib pada tahun 1960. Individu yang bertanggungjawab dalam penghasilan laporan di atas adalah Abdul Rahman Talib merangkap Menteri Pendidikan Malaysia dari 1960 hingga 1962. Antara isi kandungan penting di dalam Penyata Rahman Talib ialah pengusulan agar sekolah menengah menggunakan satu bahasa pengantar sahaja iaitu bahasa Melayu, manakala sekolah rendah boleh menggunakan tiga bahasa pengantar, iaitu bahasa Melayu, Cina dan Tamil. Walau bagaimanapun, mata pelajaran bahasa Inggeris wajib diajar di semua peringkat sekolah. Manakala, mata pelajaran agama Islam hendaklah diajar di semua sekolah yang mempunyai pelajar Islam lebih daripada 15 orang. Penyata ini juga menyarankan supaya bangunan sekolah rendah Melayu, Cina dan Tamil diperbaiki dan guru-guru yang terlatih hendaklah ditempatkan di sekolah-sekolah berkenaan.

7. Kesimpulan

Hasil dari kajian ini, dapat disimpulkan bahawa pendidikan agama Islam membawa pengaruh yang besar ke dalam sistem pendidikan di Tanah Melayu terutama kepada masyarakat yang beragama Islam dalam membentuk peribadi Muslim yang sejati. Islam adalah agama yang berasaskan kepada al-Quran dan Sunnah Nabi Muhammad SAW. Ketamadunan yang dibangunkan berasaskan kepada dua asas utama ini memiliki segala aspek kesempurnaan dalam kehidupan manusia merangkumi sistem kepercayaan, perundangan, ilmu pengetahuan, ekonomi, sains dan teknologi, kesenian, kesusastraan dan sebagainya. Sumbangan pendidikan agama Islam ini telah melahirkan ramai ilmuan Islam yang hebat hingga sekarang dan bertindak sebagai pewaris kepada ulama terdahulu dalam menyebarkan Islam di negara ini. Seterusnya pemerkasaan tulisan jawi dapat dilihat dengan pelbagai program dijalankan bagi memastikan warisan ini tidak hilang ditelan zaman.


Dari sudut yang lain pula, penulis menjelaskan pendekatan pemikiran pentadbir British dalam menilai sistem pendidikan agama Islam di Tanah Melayu adalah berteraskan kepada falsafah positivisme empirik logik iaitu fahaman yang mementingkan penggunaan akal sepenuhnya. Seperti yang telah dijelaskan sebelum ini, falsafah ini menolak pembuktian sesuatu fakta menggunakan sumber wahyu kerana dianggap tidak relevan dalam pembuktian sejarah ketamadunan manusia. Kesannya, setiap penulisan dari pentadbir British mengenai pengaruh Islam di dalam pendidikan telah melahirkan pandangan yang meragukan hingga beranggapan segala tatacara keilmuan Islam boleh dipertikaikan kebenarannya.

Pihak British juga melabel masyarakat Melayu sebagai bangsa yang lemah dari segenap segi seperti ketinggalan dalam aspek kemodenan disebabkan berpegang kepada Islam yang dianggap tidak relevan dengan perkembangan semasa. Justeru, perlaksanaan sistem pendidikan Barat di Tanah Melayu dilihat sebagai langkah yang tepat bagi menerapkan pemikiran sekularisme ke dalam kehidupan masyarakat Melayu. Penulis menjelaskan, punca kepada kegagalan pihak British dalam memahami masyarakat Melayu adalah kerana berpegang dengan pemikiran berpusatkan Eropah iaitu *Euro-centrism* yang mengangkat bangsa Eropah sebagai terulung dan bertamadun berbanding bangsa lain merangkumi benua Asia dan sebagainya.

Penulis berpandangan apabila pihak British menjadikan pendekatan *Euro-centrism* sebagai kayu pengukur untuk mengkaji sejarah Tanah Melayu, ternyata golongan ini belum lagi memahami sepenuhnya berkennaan masyarakat Melayu. Malah, berat sebelah dalam menjelaskan persoalan berkennaan Islam di Tanah Melayu. Tambahan lagi, cubaan pihak British untuk menghilangkan pengaruh Islam di dalam diri masyarakat Melayu adalah sukar kerana Islam sudah sebatи dalam kehidupan bangsa Melayu.

Rujukan

- Abdullah, A. R. (2000). *Wacana falsafah sejarah: perspektif barat dan timur*. Kuala Lumpur, KL: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah, W. M. S. (2001). *Penyebaran Islam dan silsilah ulama sejagat dunia Melayu*. Kuala Lumpur, KL: Persatuan Pengkajian Khazanah Klasik Nusantara & Khazanah Fathaniyah.
- Abidin, M. Z. H. Z., Ismail, H., Yusof, M. Y., Hassan, P., & Noh, A. M. M. (2019). Modenisasi sistem pendidikan di Pondok Sungai Durian Kuala Krai Kelantan. Dlm. Habidin, N. F. (Ed.). *Amalan Terbaik dalam Penambahbaikan Sistem Pendidikan: Pengajaran dan Penyelidikan* (pp. 84-93). Tanjung Malim, Perak: Penerbit Kaizentrenovation Sdn. Bhd.
- Ahmad, S. (2018). Bahasa Arab dan sumbangannya terhadap perkembangan tulisan Jawi: suatu analisis terhadap karya-karya ilmiah kitab jawi abad ke-19 dan ke-20M. Dlm. Yakob, M. A. (Ed.).



Keintelektualan Melayu dalam Manuskrip dan Kitab Jawi (pp. 41-55). Kuala Lumpur, KL: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Al-Fatani, A. F. (2011). Ulama' Patani di Terengganu: sejarah dan peranan (Dari Tuan Hassan Besut hingga Haji Abdul Rahman Pombeng). *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN) IV: Ulama Pemacu Transformasi Negara*. Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Baharuddin, S. A. (2011). Ilmu Kolonial dalam pembentukan sejarah intelektual Malaysia: sebuah pandangan. *Siri Kertas Kajian Etnik UKM*. Bangi, Selangor: Institut Kajian Etnik (KITA), Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Baki, A. (1981). *The National School of Malaya-Its problems, proposed curriculum and activities*. Kuala Lumpur, KL: Arkib Negara Malaysia.
- Basri, G. (2010). Pendidikan sepada dalam sistem dualisme: sebuah sorotan kritis. *Prosiding Persidangan Serantau Pendidikan Islam 2010 (PSPI 2010)*. Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia.
- Fadzil, S. (2012). *Islam dan Melayu: martabat umat dan daulat rakyat*. Kajang, Selangor: Akademi Kajian Ketamadunan, Kolej Dar al-Hikmah.
- Ferman, G. S., & Levin, J. (1975). *Social sciences research*. New York, USA: John Wiley & Sons.
- Goldziher, I. (1981). *Introduction to Islamic theology and law*. (Andras & Ruth, H., Terj.). New Jersey, USA: Princeton University Press.
- Hassan, M. K. (1986). Pembentukan ilmu kemasyarakatan dari perspektif Islam. Dlm. Teh, W. H. W., & Yahaya, M. (Eds.). *Sains Sosial dari Perspektif Islam*. Bangi, Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Lebar, M. S. (1992). *Perubahan dan kemajuan pendidikan di Malaysia*. Kuala Lumpur, KL: Nurin Enterprise.
- Lughod, L. A. (2001). Orientalism and Middle East feminist studies. *Feminist Studies*, 27(1), 101-113. <https://doi.org/10.2307/3178451>.
- Mahmud, M. N. (1997). *Orientalisme: al-Quran di mata Barat (sebuah studi evaluatif)*. Semarang, Indonesia: Dina Utama.
- Meinecke, F. (1956). Historicism and its problems. Dlm. Stern, F. R. (Ed.). *The Varieties of History*. New York, USA: Oxford University Press.
- Mukmin, M. J. (2009). *Gerakan Islam di Malaysia: kesinambungan, respons dan perubahan (1957-2000)*. Shah Alam, Selangor: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA) UiTM Shah Alam.
- Nik Pa, N. A. (1991). *Program pendidikan pintar cerdas: teori dan praktik*. Selangor: Institut Pengajian Ilmu Islam.
- Othman, M. R. (2006). *Islam dan masyarakat Melayu: peranan dan pengaruh Timur Tengah*. Kuala Lumpur, KL: Penerbit Universiti Malaya.
- Othman, M. R., & Ishak, M. S. A. (2000). *The Malays in the Middle East*. Kuala Lumpur, KL: University of Malaya Press.
- Philip, L. F. S. (1974). *Seeds of separatism: educational policy in Malaya*. Kuala Lumpur, KL: Oxford University Press.
- Rahim, A. A., Osman, A. S., & Basri, F. (2021). Kehebatan pendakwah silam dalam memperjuangkan agama Islam semasa zaman penjajahan di Tanah Melayu. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 6(1), 671-679. <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v6i1.206>.
- Rahman, M. F. A., Aziz, N. H., & Yusof, M. Y. (2017). Orientalists and Islam: ramifications to educational system in Malaya. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 7(3): 668-676. Dicapai daripada https://hrmars.com/papers_submitted/2767/Orientalists_and_Islam_Ramifications_to_Educational_System_in_Malaya.pdf.
- Rahman, M. F. A., Aziz, N. H., Ahmat, A. C., Yusof, M. Y., & Rahim, R. A. A. (2016). A Doctrinal aspect of orientalism and its influences on Malay culture. *Academia Journal UiTMT*, 5(2), 58-65. Dicapai daripada <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/JeA/article/view/1293>.
- Rahman, M. F. A., Aziz, N. H., Kadir, N. A. A., & Aris, N. F. M. (2017). Orientalist studies verge on Islam: early history. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 7(12), 1246-1256. <http://dx.doi.org/10.6007/IJARBSS/v7-i12/3760>.
- Rahman, M. F. A., Razak, M. I. A., Noor, A. F. M., Basir, M. K. A., Khalid, N. K., & Kadir, N. A. A. (2019). Analysing stages of the Western Orientalists' approach towards Islam. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 9(9), 979-989. <http://dx.doi.org/10.6007/IJARBSS/v9-i9/6385>.



Published biannually by:
**Faculty of Islamic Civilization Studies,
Selangor International Islamic University College (KUIS)**
Bandar Seri Putra, 43600, Bangi, Selangor (Darul Ehsan) Malaysia.
Tel: +603-8911 7167. Fax: +603-8925 4402
Email: alirsyad@kuis.edu.my
Web: <http://al-irsyad.kuis.edu.my/>

Vol. 6, No. 2, (December, 2021)

- Rahman, N. N. A. & Shukri, M. N. M. (2011). Hubungan rentas sempadan dan pengaruhnya terhadap pembentukan pemikiran hukum Islam di Kelantan. *Jurnal Al-Tamaddun*, 6(1), 51-73. Dicapai daripada <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JAT/article/view/8545>.
- Roff, W. R. (1980). *The origins of Malay Nationalism*. Kuala Lumpur, KL: University of Malaya Press.
- Roff, W. R. (2003). *Nasionalisme Melayu*. (Ahmad, B., Terj.). Kuala Lumpur, KL: Penerbit Universiti Malaya.
- Said, E.W. (1977). *Orientalism*. London, England: Penguin.
- Salleh, A. H. (1974). *Pelajaran dan perguruan Melayu di Malaya zaman British*. Kuala Lumpur, KL: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sidhu, J. S. (1985). Nasionalisme Melayu sebelum perang dunia kedua. Dlm. Suntharalingam, R. & Rahman, I. A. (Eds.). *Nasionalisme: Satu Tinjauan*. Petaling Jaya, Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Wan Daud, W. M. N. & Muammar, K. (2009). Kerangka komprehensif pemikiran Melayu abad ke-17 Masihi berdasarkan manuskrip *Durr al-Fara'id* karangan Sheikh Nurudin al-Raniri. *Sari – International Journal of the Malay World and Civilization*, 27(2), 119-146. Dicapai daripada http://journalarticle.ukm.my/1184/1/SARI27%5B2%5D2009_%5B06%5D.pdf.
- Winstedt, R. O. (1988). *A History of Malaya*. Kuala Lumpur, KL: Marican & Sons.